

511
MAHATHIR

1975

TROLAK (PERAK), 25 JULAI (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA SEKOLAH-SEKOLAH DI RANCANGAN TANAH FELDA DAPAT MENGUJUDKAN SATU MASYARAKAT BARU YANG BERSATUPADU YANG TIDAK LAGI TEBAL DENGAN SEMANGAT KEDAERAHAN.

INI IALAH KERANA MURID-MURIDNYA YANG TERDIRI DARI KELUARGA-KELUARGA PENEROKA YANG DATANG DARI BERBILANG NEGERI DAPAT BERCAMPUR GAUL DAN MEMAHAMI ADAT RESAM YANG BERBEZA ANTARA SATU SAMA LAIN.

BERUCAP MERASMIKAN SEKOLAH KEBANGSAAN DI TROLAK SELATAN DI SINI HARI INI, DR. MAHATHIR BERKATA, SEKOLAH-SEKOLAH DI RANCANGAN JUGA MEMBERI PELUANG BAIK KEPADA GURU-GURU MEMIMPIN DAN MENGASUH MURID-MURID BUKAN SAJA DI BIDANG AKADEMI BAHKAN JUGA DALAM KEGIATAN LUAR SEKOLAH YANG BERFAEDAH.

MURID-MURID SENANG DIKUMPULKAN KERANA RUMAH MEREKA BERHAMPIRAN SEKOLAH.

GURU-GURU JUGA MUDAH MENYEMAIKAN KESEDARAN TENTANG PENTINGNYA ILMU PENGETAHUAN KE JIWA MURID-MURID ITU DENGAN MENGGUNAKAN CONTOH PENGURBANAN DAN USAHA IBUBAPA MEREKA MENEROKA TANAH, UNTUK MEMBERI PERANGSANG KEPADA MEREKA BELAJAR BERSUNGGUH-SUNGGUH. -- BERSAMBUNG

524
MAHATHIR 2 TROLAK

KEGIATAN-KEGIATAN LUAR SEKOLAH SEPERTI KELAS TAMBAHAN, BERKEBUN, SUKAN DAN SEBAGAINYA JUGA DAPAT DIADAKAN DENGAN JAYANYA KERANA MURID-MURID SENANG DIKUMPULKAN SAMA ADA PAGI ATAU PETANG.

DR. MAHATHIR BAGAIMANAPUN, MENINGGATKAN IBUBAPA JANGAN MENYERAHKAN TUGAS MENGASUH ANAK-ANAK INI BULAT-BULAT KEPADA GURU.

MEREKA MESTILAH JUGA MENGAMBIL BERAT TENTANG PERSEKOLAHAN ANAK-ANAK DAN MEMASTIKAN ANAK-ANAK MEREKA MENGAMBIL SARAPAN PAGI SEBELUM KE SEKOLAH, MENGULANGKAJI PELAJARAN DI RUMAH DAN JUGA MEMBERITAHU MASAAALAH PELAJARAN ANAK-ANAK KEPADA PIHAK SEKOLAH.

DR. MAHATHIR SETERUSNYA MEMUJI PERSATUAN IBUBAPA-GURU SEKOLAH TROLAK SELATAN YANG TELAH BERJAYA MENGADAKAN BERBAGAI KEGIATAN UNTUK FAEDAH SEKOLAH DAN MURID-MURIDNYA.

USAHA SEUMPAMA ITU BUKAN SAJA MENGERATKAN HUBUNGAN ANTARA AHLI-AHLI MASYARAKAT DI RANCANGAN FELDA INI BAHKAN JUGA MEMUPUK PERJUANGAN BERSAMA UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN DAN KEBAHAGIAAN HIDUP.

-- BERNAMA 1210/ZCM

48